

03 MAY 1996

Mahathir - Maju

MELAKA BOLEH CAPAI TARAF NEGERI MAJU LEBIH AWAL

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Melaka boleh mencapai taraf sebagai negeri maju lebih awal daripada yang dijangkakan.

Perdana Menteri berkata matlamat itu boleh dicapai lebih awal jika pertumbuhan ekonomi yang Melaka nikmati sekarang dapat dikekalkan atau diperbaiki.

"Melaka nampaknya masih berkembang maju dan masih menerima kemasukan pelaburan," katanya pada persidangan berita sebelum mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Melaka.

Dr Mahathir berpuas hati dengan perkembangan pesat ekonomi di Melaka terutama dalam industri pembuatan dan pelancongan.

Kerajaan negeri Melaka berharap mencapai taraf sebagai negeri maju pada 2010, iaitu awal 10 tahun daripada matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju.

Sebelum itu, Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat di Masjid Negeri Al Azim.

Beliau kemudian melancarkan Tabung Pembinaan Masjid Bosnia-Herzegovina anjuran kerajaan negeri yang bertujuan mengumpul sebanyak RM1 juta bagi membiayai pembinaan sebuah masjid di negara itu.

Dr Mahathir turut menerima sumbangan bagi tabung itu sebanyak RM550,000 daripada beberapa agensi kerajaan negeri termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Kumpulan Melaka Berhad, Perbadanan Tanah Adat Melaka dan Umno negeri.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri merasmikan majlis pecah tanah pembinaan Kompleks Yayasan Belia Dunia (WYF) di Air Keroh dan merasmikan Kelab Penerbangan Gerakan Belia 4B di Lapangan Terbang Batu Berendam.

Semalam, Perdana Menteri merasmikan projek penambakan pulau, projek pembangunan Pulau Melaka di Bandar Hilir dan Institut Teknologi MARA cawangan Melaka di Lendu.

Beliau juga melancarkan Gerak MESRA peringkat negeri di Felcra Bukit Sedanan, Jasin sebelum menghadiri jamuan Mesra Perdana anjuran Barisan Nasional (BN) di Seri Bendahara. -- BERNAMA

MOZ AH NAK